**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BANTUAN SARA HIDUP (COLA)** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI: 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 1/8 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Bantuan Sara Hidup (Cola) | Elaun yang diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan pegawai.<br><br>**TAKRIFAN**<br><br>**GRED**<br>Gred gaji yang ditetapkan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), Sistem Saraan Baru (SSB), dan Sistem Saraan Malaysia (SSM).<br><br>**PEGAWAI**<br>Seseorang pegawai tetap/sementara di dalam Perkhidmatan Awam termasuk anggota dalam Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia<br><br>**1.0** Pastikan Tuntutan Bayaran COLA dan dokumen sokongan berikut disertakan :<br><br>1.1 SG20; dan<br>1.2 Penyata Perkiraan yang disahkan pegawai yang tidak genap penempatan satu bulan. | Lampiran A<br>Lampiran B |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BANTUAN SARA HIDUP (COLA)** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 2/8 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | 2.0 Pastikan dokumen berikut dikepilkan jika pelarasan dibuiat atas sebab pegawai menduduki rumah sewa Kerajaan :<br><br>2.1 Penyata Perubahan Gaji (Kew.8)<br>2.2 SG20 yang menyatakan tarikh menduduki kuarters<br>2.3 Surat Akuan Masuk / Keluar Kuarters<br>2.4 Penyata perkiraan yang disahkan bagi bayaran tunggakan | Lampiran C<br>Lampiran D<br>Lampiran E<br>Lampiran F |
| | | **3.0** Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-<br><br>3.1 tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima;<br><br>3.2 baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi;<br><br>3 3 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan. | Arahan Perbendaharaan 58(a) |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BANTUAN SARA HIDUP (COLA)** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 3/8 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | **4.0 PEGAWAI YANG LAYAK**<br><br>Pegawai yang layak menerima COLA ialah seperti berikut :<br><br>4.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;<br>4.2 Lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan guru sandaran;<br>4.3 Diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;<br>4.4 Diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;<br>4.5 Diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau<br>4.6 Diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.<br><br>**5.0 PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**<br><br>Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup ialah seperti berikut :<br><br>5.1 Kumpulan Pengurusan Tertinggi<br>5.2 Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan tertinggi<br>5.3 Pegawai *Contract for Service*<br>5.4 Dibayar Bayaran Insentif Wilayah<br>5.5Berada dalam skim saran agensi diasingkan pengurusan saraanny | Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2008 Para 3 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | 5.6 Dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta<br>5.7 Dibayar Elaun Perbezaan sara Hidup<br>5.8 Diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun<br>5.9 Bercuti tanpa gaji<br><br>**6.0 KADAR KELAYAKAN PEGAWAI**<br><br>6.1 Pastikan Kadar Kelayakan COLA adalah mengikut kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan<br><br>6.2 COLA dibayar mengikut:<br>a. tempat kerja (pejabat) hakiki pegawai mengikut waran perjawatan; atau<br>b. institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar<br><br>6.3 Kadar COLA ditetapkan seperti Jadual berikut:<br>**JADUAL : KADAR BANTUAN SARA HIDUP** | |

| Kawasan | Kadar Sebulan (RM) |
|---|---|
| Kawasan A | 300.00 |
| Kawasan B | 250.00 |
| Kawasan Lain | 150.00 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | Kawasan A dan Kawasan B adalah berdasarkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut : | |

**PIHAK BERKUASA TEMPATAN - A**

| Negeri | Pihak Berkuasa Tempatan |
|---|---|
| Wilayah Persekutuan | Kuala Lumpur dan Putrajaya |
| Pulau Pinang | Pulau Pinang dan Seberang Perai |
| Selangor | Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam, dan Subang Jaya |
| Johor | Johor Bahru |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BANTUAN SARA HIDUP (COLA)** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 6/8 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | **PIHAK BERKUASA TEMPATAN - B** | |

| Negeri | Pihak Berkuasa Tempatan |
|---|---|
| Johor | Batu Pahat, Johor Bahru Tengah, Kluang, Kulai dan Muar |
| Kedah | Alor Star, Kulim, Langkawi dan Sungai Petani |
| Kelantan | Kota Bharu |
| Melaka | Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin |
| Negeri Sembilan | Nilai, Port Dickson dan Seremban |
| Perak | Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan |
| Pahang | Bentong, Kuantan dan Temerloh |
| Perlis | Kangar |
| Terengganu | Kemaman dan Kuala Terengganu |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BANTUAN SARA HIDUP (COLA)** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 7/8 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | 7.0 Semak sama ada pegawai menduduki rumah kerajaan ataupun tidak.<br>7.1 Bagi Pegawai yang diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25km dari tempat kerja dibayar atas kadar 50% daripada kelayakan pegawai; atau<br>7.2 Bagi Pegawai yang diperuntukkan Rumah Kerajaan melebihi 25km dari tempat kerja dibayar atas kadar penuh<br>8.0 Semak sama ada perkhidmatan pegawai genap satu bulan atau tidak.<br>8.1 Pembayaran COLA hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu bulan.<br>**9.0 KAEDAH PEMBAYARAN**<br>9.1 Melalui sistem gaji berkomputer; atau<br>9.2 Melalui baucar bayaran berasingan. | |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BANTUAN SARA HIDUP (COLA)** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKASURAT : 8/8 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bantuan Sara Hidup (Cola) | **10.0 KOD OBJEK**<br><br>Semak kod gaji/kod Objek Lanjut seperti berikut:<br><br>10.1 Melalui Penyata Perubahan Gaji(SG20)<br><br>1362 Bantuan Sara Hidup<br>3362 Bantuan Sara Hidup tahun semasa<br>2008 Bantuan Sara Hidup tahun lepas.<br><br>10.2 Melalui Baucar Bayaran<br><br>12199 Elaun Tetap yang lain (bagi tahun semasa)<br>12699 Tunggakan Elaun Tetap yang lain (bagi tahun lepas) | |